

**SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN SOSIAL
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred S27	:	P1T1	RM963.64	-	P1T26	RM2421.69
		P2T1	RM1019.30	-	P2T26	RM2570.52
		P3T1	RM1077.38	-	P3T26	RM2724.19
Gred S32	:	P1T1	RM1930.43	-	P1T13	RM2874.23
		P2T1	RM2098.62	-	P2T13	RM3129.54
Gred S38	:	P1T1	RM2401.12	-	P1T11	RM3551.83
		P2T1	RM2569.31	-	P2T11	RM3929.35

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
(ii) diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S27: P1T5);

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Keutamaan diberi kepada calon yang mempunyai pengalaman dalam kegiatan-kegiatan belia dan sukan).

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Belia dan Sukan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Belia dan Sukan Gred S27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
- PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred S27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Penolong Pegawai Belia dan Sukan Gred S27 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
5. Penolong Pegawai Belia dan Sukan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**
6. Penolong Pegawai Belia dan Sukan Gred S27 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**
7. Penolong Pegawai Belia dan Sukan Gred S27 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**
8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**
9. Penolong Pegawai Belia dan Sukan hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT
KE GRED S32**
10. Penolong Pegawai Belia dan Sukan Gred S27 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Belia dan Sukan Gred S32 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT
KE GRED S38**
11. Penolong Pegawai Belia dan Sukan Gred S32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Belia dan Sukan Gred S38 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PEGAWAI BELIA DAN
SUKAN**

12. Penolong Pegawai Belia dan Sukan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Belia dan Sukan Gred S41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].